

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini mengandungi maklumat penting mengenai Takaful Perubatan dan Kesihatan anda. Pelanggan lain turut membaca LPP ini dan mendapati ia berguna; **anda juga patut membacanya.**

LPP ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan berdasarkan lelaki sihat berumur 30 tahun yang tidak merokok dan bekerja di pejabat.

Tarikh: <<print date>>

1 Apakah Takaful 3asyCare?

Takaful 3asyCare ialah produk Takaful yang menyediakan perlindungan bagi penyakit-penyakit kritikal yang tertentu. Jika Orang yang Dilindungi didiagnosis menghidap salah satu daripada penyakit kritikal yang dinyatakan, 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas akan dibayar. Tambahan sebanyak 10% daripada Jumlah Perlindungan Asas sebagai Manfaat Penjagaan Khas akan dibayar terhadap Orang yang Dilindungi yang bukan perokok. Pelan ini adalah pelan perlindungan penyakit kritikal semata-mata dan tidak mempunyai unsur simpanan atau pelaburan.

Konsep Syariah dan jenis dana yang diguna pakai:

- **Takaful** - Konsep saling membantu antara Peserta-Peserta untuk memberi caruman kepada Dana Risiko Peserta (DRP) bagi manfaat Takaful yang akan dibayar kepada Peserta-Peserta atau waris-waris mereka apabila berlakunya peristiwa yang telah dipersetujui.
- **Wakalah** - Pelantikan wakil bagi menguruskan transaksi bagi pihak orang lain. Dalam kontrak Takaful ini, Kami akan menguruskan Sijil Takaful Anda dengan mengenakan Yuran Wakalah pendahuluan kepada Anda.
- **Tabarru'** - Jumlah wang yang dicarumkan oleh peserta ke dalam DRP berdasarkan kontrak sumbangan.
- **Qard** - Pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh Kami jika berlakunya defisit terhadap DRP. Pinjaman tersebut akan dibayar semula apabila DRP kembali kepada posisi lebihan.
- **Hibah** - Kontrak hadiah yang diguna pakai dalam pengagihan lebihan daripada DRP kepada Peserta yang layak.
- **Hibah Bersyarat** - Hadiah bersyarat di mana Anda bersetuju untuk memindahkan pemilikannya ke atas manfaat Takaful untuk dibayar kepada penama apabila Anda meninggal dunia.
- **Ju'alah** - Ganjaran diberikan kepada Kami berdasarkan prestasi DRP, di mana 50% daripada lebihan bersih (jika ada) akan dikongsi dengan Kami pada akhir setiap tahun kewangan.
- **Dana Risiko Peserta (DRP)** - Akaun pegangan Peserta yang mana potongan *Tabarru'* akan dikreditkan untuk tujuan bantuan bersama yang akan digunakan untuk membantu Peserta-Peserta yang memerlukan.

2 Kenali Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM 226.10** tahunan, anda akan menerima **perlindungan** berikut:

Manfaat Penyakit Kritikal	RM 100,000
---------------------------	-------------------

Manfaat Penjagaan Kita	Tambahan RM 10,000 (terpakai bagi Orang yang Dilindungi yang bukan perokok)
------------------------	--

Pelan yang anda pilih adalah **Gold**. Penyakit kritikal yang dilindungi di bawah produk ini adalah:

1. Strok/Angin Ahmar - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan
2. Serangan Jantung - bagi tahap keparahan tertentu
3. Kanser - bagi tahap keparahan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal

Nota:

- Semua manfaat akan dibayar daripada DRP dan adalah dijamin.
- Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada Sijil untuk mendapatkan butiran mengenai penyakit kritikal yang dilindungi.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah Sijil/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Zurich Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Takaful Perubatan dan Kesihatan anda **mengecualikan**:

- Keadaan perubatan yang anda alami sebelum menyertai pelan (iaitu keadaan sedia ada).
- Tanda-tanda atau gejala-gejala Penyakit Kritikal telah timbul sebelum atau semasa tempoh khusus yang ditetapkan.
- Selain insiden pertama Penyakit Kritikal.
- Sebarang kecederaan akibat mencederakan diri sendiri semasa waras atau tidak waras.
- Kematian yang berlaku dalam tempoh 14 hari daripada diagnosis dan pengesahan Penyakit Kritikal.

Nota: Sila rujuk kepada Sijil untuk butiran mengenai pengecualian.

Tempoh perlindungan ialah 50 tahun.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Takaful Perubatan dan Kesihatan anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1-300-888-622



Layari kami di
<https://mya.zurich.com.my/rdt/zt3asycare>



E-mel kami di
callcentre@zurich.com.my

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Takaful Perubatan dan Kesihatan ini, anda mesti membayar caruman Takaful sebanyak:

Caruman **RM 226.10** (tahunan)

Jumlah caruman yang tertera di atas adalah untuk tahun sijil pertama. Jumlah berikut akan berubah mengikut umur yang dicapai Orang Yang Dilindungi, seperti yang tertera dalam Lampiran.

Tempoh: **50** tahun

Mod Caruman: Tahunan

Contoh jumlah caruman disertakan dalam Lampiran sebagai rujukan.

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Yuran *Wakalah* yang anda perlu bayar ialah 16.71% atau RM 15,589.91 daripada jumlah caruman Takaful selama 50 tahun.

Yuran <i>Wakalah</i>	Tahun Sijil	Yuran <i>Wakalah</i> mengikut peratus (%) caruman dibuat		Yuran <i>Wakalah</i> untuk setiap tahun sijil berdasarkan mod caruman
		% daripada Caruman	Jumlah (RM)	Jumlah (RM)
	1	30.00%	67.83	30.00
	2	20.00%	45.22	30.00
	3	20.00%	45.22	30.00
	4	20.00%	45.22	30.00
	5	20.00%	45.22	30.00
	6	20.00%	59.80	30.00
	7	15.00%	44.85	30.00
	8 & seterusnya	15.00%	Jumlah Yuran <i>Wakalah</i> akan berubah mengikut caruman sebenar berdasarkan umur yang dicapai, seperti yang tertera dalam Lampiran.	30.00
Komisen	Tiada komisen akan dibayar di bawah Sijil ini.			
Caj lain yang berkenaan	Tabarru' – baki caruman selepas menolak yuran <i>Wakalah</i> akan diperuntukkan ke dalam DRP sebagai <i>Tabarru'</i> . Cukai – caruman dan yuran mungkin tertakluk kepada cukai atau levi kerajaan lain, jika berkenaan.			

4 Syarat-syarat Utama Lain

- Anda hendaklah mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan (jika ada) dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau Sijil ditamatkan.
- Perlindungan anda hanya akan bermula 30 atau 60 hari (mengikut jenis penyakit kritikal) dari tarikh berkuat kuasa Sijil.
- Caruman, kadar *Tabarru'* dan caj-caj lain adalah tidak dijamin. Caruman adalah berbeza bergantung kepada keputusan pengunderaitan.
- Pembayaran caruman melebihi tempoh ihsan boleh mengakibatkan Sijil luput dan boleh menjejaskan pembayaran manfaat masa hadapan.
- Tempoh Ihsan: Bagi Tempoh Ihsan Perlindungan, Anda mempunyai 31 hari dari tarikh perlu dibayar untuk dilindungi dari kerugian yang berlaku. Manakala bagi Tempoh Ihsan Caruman, Anda mempunyai 50 hari dari tarikh bil untuk membayar semua caruman anda yang perlu dibayar. Jika caruman yang perlu dibayar tidak dibuat dalam tempoh ini, Sijil akan luput.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda hendaklah merujuk Sijil bagi senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat.

? Bolehkah saya membatalkan Sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan Sijil anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan Sijil anda dalam 15 hari selepas penghantaran Sijil. Caruman yang telah dibuat (ditolak sebarang bayaran perubatan yang dikenakan) akan dipulangkan kepada anda.
- **Pembatalan/Penyerahan:** Selepas tempoh bertenang, anda boleh membatalkan Sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada Kami. Namun, tiada nilai serahan akan dibayar semasa pembatalan.

Zurich Takaful Malaysia Berhad [200601012246 (731996-H)] didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Lampiran 1: Pilihan Caruman 1: Jumlah Perlindungan Asas RM 50,000

Umur yang Dicapai	Lelaki				Perempuan			
	Tahunan (RM)	Setengah Tahunan (RM)	Suku Tahunan (RM)	Bulanan (RM)	Tahunan (RM)	Setengah Tahunan (RM)	Suku Tahunan (RM)	Bulanan (RM)
18 - 24	150.40	76.70	38.73	13.08	152.00	77.52	39.14	13.22
25 - 29	173.20	88.33	44.60	15.07	178.40	90.98	45.94	15.52
30 - 34	188.80	96.29	48.62	16.43	196.70	100.32	50.65	17.11
35 - 39	216.90	110.62	55.85	18.87	225.10	114.80	57.96	19.58
40 - 44	264.90	135.10	68.21	23.05	271.50	138.47	69.91	23.62
45 - 49	363.70	185.49	93.65	31.64	362.80	185.03	93.42	31.56
50 - 54	467.40	238.37	120.36	40.66	430.90	219.76	110.96	37.49
55 - 59	688.70	351.24	177.34	59.92	535.30	273.00	137.84	46.57
60 - 64	1006.40	513.26	259.15	87.56	672.00	342.72	173.04	58.46
65 - 69	1489.70	759.75	383.60	129.60	874.00	445.74	225.06	76.04
70 - 74	2138.10	1090.43	550.56	186.01	1248.30	636.63	321.44	108.60
75 - 79	2881.20	1469.41	741.91	250.66	1699.80	866.90	437.70	147.88

Lampiran 2: Pilihan Caruman 2: Jumlah Perlindungan Asas RM 100,000

Umur yang Dicapai	Lelaki				Perempuan			
	Tahunan (RM)	Setengah Tahunan (RM)	Suku Tahunan (RM)	Bulanan (RM)	Tahunan (RM)	Setengah Tahunan (RM)	Suku Tahunan (RM)	Bulanan (RM)
18 - 24	169.10	86.24	43.54	14.71	170.60	87.01	43.93	14.84
25 - 29	197.70	100.83	50.91	17.20	208.40	106.28	53.66	18.13
30 - 34	226.10	115.31	58.22	19.67	242.40	123.62	62.42	21.09
35 - 39	299.00	152.49	76.99	26.01	319.70	163.05	82.32	27.81
40 - 44	464.70	237.00	119.66	40.43	485.90	247.81	125.12	42.27
45 - 49	681.40	347.51	175.46	59.28	679.60	346.60	175.00	59.13
50 - 54	839.90	428.35	216.27	73.07	752.40	383.72	193.74	65.46
55 - 59	1294.40	660.14	333.31	112.61	964.40	491.84	248.33	83.90
60 - 64	1943.20	991.03	500.37	169.06	1241.30	633.06	319.63	107.99
65 - 69	2964.70	1512.00	763.41	257.93	1671.80	852.62	430.49	145.45
70 - 74	4218.70	2151.54	1086.32	367.03	2450.30	1249.65	630.95	213.18
75 - 79	5729.00	2921.79	1475.22	498.42	3367.50	1717.43	867.13	292.97